



جايٲن كمالوان اسلام ماليسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SOLAT SECARA DUDUK DI ATAS KERUSI

www.islam.gov.my



QR JAKIM



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SOLAT SECARA DUDUK DI ATAS KERUSI

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Penerbit

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

www.islam.gov.my

Cetakan Pertama 2025

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

e ISBN 978-983-042-729-4



9 789830 142729 4

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA,
Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,
62100 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Konsep, Reka bentuk dan Cetakan:



Trusted Secure Professional

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-9236 6888



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-983-042-729-4

PRAKATA KETUA PENGARAH JAKIM

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya, Garis Panduan Pelaksanaan Solat Secara Duduk di Atas Kerusi dapat diterbitkan oleh JAKIM untuk dijadikan panduan oleh umat Islam.

Penerbitan garis panduan ini amat penting untuk mewujudkan suasana harmoni, selesa dan seragam di kalangan jemaah di masjid-masjid atau surau. Justeru, meleraikan polemik mengenai tatacara melaksanakan solat secara duduk di atas kerusi yang menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat. JAKIM selaku agensi agama peringkat Persekutuan mengambil inisiatif menyediakan panduan dan rujukan dengan penelitian oleh Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI).

Diharapkan garis panduan ini dapat meluruskan kefahaman kita berpandukan kupasan para fuqaha' agar ibadah solat terpelihara sah kerana solat adalah tiang agama.

Akhir kalam, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pasukan yang telah menjayakan penerbitan garis panduan ini terutamanya dan mengharapkan umat Islam beroleh manfaat serta dapat membimbing golongan yang uzur dengan sebaik-baiknya. Semoga usaha murni ini mendapat keredhaan Allah SWT, menjadi amal jariah dan meraih limpahan ganjaran dariNya di akhirat kelak.

Sekian, *wassalam*.

Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.	TUJUAN	1
2.	LATAR BELAKANG	1
3.	OBJEKTIF	2
4.	PEMAKAIAN	2
5.	TAKRIFAN	2
6.	RUKUN-RUKUN <i>FI'LI</i> SOLAT	3
7.	ASAS-ASAS DIBOLEHKAN MELAKSANAKAN SOLAT SECARA DUDUK	4
	A. Dalil daripada al-Quran	4
	B. Dalil daripada Hadis	4
	C. Dalil daripada Ijmak	5
	D. Penjelasan Makna Duduk (قعود)	6
8.	TURUTAN TATACARA SOLAT BAGI ORANG YANG TIDAK MAMPU BERDIRI	7
9.	KEADAAN-KEADAAN YANG MEMBOLEHKAN SOLAT DILAKUKAN SECARA DUDUK	7
10.	TATACARA SOLAT FARDU BERSENDIRIAN SECARA DUDUK DI ATAS KERUSI	8
	A. Situasi Solat Fardu Bersendirian Secara Duduk di Atas Kerusi	8
	(a) Tidak Mampu Untuk Berdiri di Sepanjang Solatnya Melainkan Duduk di Atas Kerusi	8
	(b) Tidak Mampu Untuk Berdiri Lama, Mampu Untuk Rukuk Tetapi Tidak Mampu Untuk Sujud Secara Lazim	11
	(c) Mampu Untuk Berdiri Tetapi Tidak Mampu Rukuk dan Sujud Secara Lazim	14

Bil.	Perkara	Muka Surat
	(d) Mampu Berdiri Seketika, Rukuk dan Sujud Secara Lazim Tetapi Tidak Boleh Duduk di Atas Lantai	17
	(e) Mampu Berdiri, Rukuk, Duduk Tetapi Tidak Mampu Sujud Seperti Keadaan Lazim	21
B.	Tatacara Rukuk dan Sujud Bagi Solat Secara Duduk di Atas Kerusi	23
11.	TATACARA KEDUDUKAN KERUSI DALAM SAF SOLAT BERJEMAAH	23
A.	Kedudukan Kerusi Bagi Makmum Ketika Melaksanakan Solat Secara Berjemaah	23
	(a) Makmum Yang Mampu Berdiri	23
	(b) Makmum Yang Tidak Mampu Berdiri	24
B.	Kedudukan Jemaah Berkerusi Dalam Saf	26
C.	Saiz dan Jenis Kerusi	27
12.	PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN	27
13.	PERANAN PEGAWAI MASJID	29
14.	PENUTUP	30

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SOLAT SECARA DUDUK DI ATAS KERUSI

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk memberikan panduan dan rujukan kepada:

- 1.1 Individu yang mempunyai keuzuran melaksanakan solat secara lazim bersendirian atau berjemaah.
- 1.2 Pihak pengurusan dan pegawai masjid yang terlibat dalam mengurus aktiviti solat berjemaah di masjid, surau atau premis yang dikhususkan untuk pelaksanaan solat.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Solat merupakan salah satu rukun Islam yang perlu dilaksanakan mengikut tertib yang telah ditetapkan. Solat adalah ibadah asas dalam Islam yang dipertanggungjawabkan kepada setiap mukallaf dalam apa jua keadaan termasuk ketika uzur atau sakit.
- 2.2 Solat dituntut untuk dilaksanakan secara berjemaah kerana ia merupakan syiar agama Islam yang mempunyai hukum dan kelebihan yang tersendiri.
- 2.3 Solat secara berjemaah perlu dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan bagi memastikan ianya sempurna, teratur serta mencapai hikmah pensyariatannya.
- 2.4 Kebelakangan ini muncul persoalan berkenaan solat secara duduk di atas kerusi bagi mereka yang uzur bersendirian dan berjemaah. Hal ini amat perlu ditangani dengan baik untuk memelihara kesempurnaan ibadah solat yang menjadi tiang agama.
- 2.5 Bagi memastikan solat berjemaah dapat dilaksanakan dengan sempurna, selesa dan teratur, peranan pihak pengurusan dan pegawai masjid adalah penting bagi mengurus aktiviti solat berjemaah di masjid, surau atau premis yang dikhususkan untuk pelaksanaan solat.

- 2.6 Garis panduan ini akan menerangkan kaedah melaksanakan solat secara duduk di atas kerusi secara bersendirian dan berjemaah.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Meningkatkan kefahaman dan penghayatan terhadap perintah solat secara bersendirian dan berjemaah bagi mereka yang uzur ke arah melahirkan masyarakat yang patuh serta taat kepada perintah Allah SWT.
- 3.2 Menjelaskan tatacara pelaksanaan solat secara bersendirian dan berjemaah yang melibatkan individu yang uzur dan perlu melaksanakan solat dengan cara duduk bagi memastikan solat yang ditunaikan itu sah dan sempurna.

4. PEMAKAIAN

- 4.1 Garis panduan ini terpakai kepada semua peringkat dan tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa agama peringkat persekutuan dan negeri.

5. TAKRIFAN

Bagi maksud garis panduan ini:

- 5.1 “**Fatwa**” ertinya apa-apa ketetapan hukum yang disahkan oleh pihak yang berkuasa mengenai Agama Islam.
- 5.2 “**Iftirasy**” ertinya duduk dalam solat dengan telapak kaki kiri dijadikan alas untuk duduk, sementara telapak kaki kanan ditegakkan dengan jari-jari kaki kanan menghadap kiblat ketika duduk antara dua sujud dan duduk membaca *tahiyyat awal*.
- 5.3 “**Kerusi**” ertinya tempat duduk yang mempunyai kaki sama ada mempunyai tempat bersandar atau tanpa tempat bersandar.
- 5.4 “**Masjid**” ertinya bangunan khas yang telah digazetkan oleh pihak berkuasa agama sebagai masjid yang mempunyai kemuliaannya yang tersendiri, merupakan tempat orang Islam beribadat menunaikan solat Jumaat dan ibadah-ibadah yang lain seperti iktikaf dan sebagainya.

- 5.5 **“Pihak Berkuasa Agama”** ertinya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan/atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan/atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan/atau Jabatan Mufti Negeri.
- 5.6 **“Solat”** ertinya perkataan dan perbuatan yang tertentu dimulai dengan takbir dan diakhiri dengan salam.
- 5.7 **“Solat Berjemaah”** ertinya solat yang dilakukan mestilah ada imam dan makmum sekurang-kurangnya dua (2) orang.
- 5.8 **“Surau”** ertinya tempat beribadat iaitu solat, belajar agama dan lain-lain.
- 5.9 **“Tawarruk”** ertinya duduk dengan meletakkan kaki kiri dikeluarkan menghala ke kanan di bawah kaki kanan yang ditegakkan manakala papan punggung diletakkan di atas permukaan lantai.
- 5.10 **“Tarabbu’”** ertinya duduk dengan melipatkan dan menyilangkan kaki (Bersila)
- 5.11 **“Pegawai Masjid/Surau”** ertinya ertinya Imam, Bilal dan Siak atau apa-apa nama atau gelaran tertentu sebagaimana yang diberikan dari semasa ke semasa oleh pihak berkuasa agama berhubung dengan pengurusan sesuatu masjid/surau.
- 5.12 **“Uzur”** ertinya keadaan/ situasi yang menimpa seseorang mukallaf yang membolehkan sesuatu tuntutan hukum syarak diringankan atau digugurkan atau digantikan dengan tuntutan lain tanpa menyebabkan ia berdosa.

6. RUKUN-RUKUN *FI’LI* SOLAT

- 6.1 Rukun-rukun solat adalah bahagian-bahagian yang membentuk solat dan wajib dilaksanakan dengan sempurna dan sekiranya ia ditinggalkan, maka solat berkenaan tidak sah. Rukun *fi’li* di dalam solat ialah berdiri, rukuk, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud dan duduk *tahiyat akhir*.
- 6.2 Walau bagaimanapun, sekiranya dalam keadaan uzur rukun *fi’li* boleh dilakukan mengikut kaedah tertentu berdasarkan kadar kemampuan individu tersebut.

7. ASAS-ASAS DIBOLEHKAN MELAKSANAKAN SOLAT SECARA DUDUK

A. Dalil daripada al-Quran

Pelaksanaan solat ketika uzur hendaklah dilakukan mengikut kemampuan masing-masing. Ini berdasarkan firman Allah SWT;

- (a) Surah al-Baqarah ayat 286;

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya:

Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.

- (b) Surah al-Taghabun ayat 16;

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Maksudnya:

Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah sedaya upaya kamu;

B. Dalil daripada Hadis

Pelaksanaan solat ketika uzur secara duduk diharuskan adalah berdasarkan beberapa hadis Rasulullah SAW:

- (a) Hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada 'Imran bin Husin RA berkata:

كانت بي بواسيرُ فسألتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الصَّلَاةِ فَقَالَ
صَلِّ قَائِمًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ

Maksudnya:

Aku terkena penyakit buasir. Lalu, aku bertanya kepada Nabi SAW mengenai cara mengerjakan solat. Maka Baginda bersabda: Solatlah kamu dalam keadaan berdiri. Sekiranya tidak mampu, maka tunaikanlah solat dalam keadaan duduk. Sekiranya tidak mampu, maka tunaikanlah dalam keadaan mengiring (Sahih al-Bukhari, no. hadis 1066).

- (b) Hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Saidina Anas bin Malik RA berkata:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَكِبَ فَرَسًا، فَصَرَعَ عَنْهُ فَجُحِشَ
شِقُّهُ الْأَيْمَنِ، فَصَلَّى صَلَاةً مِنَ الصَّلَوَاتِ وَهُوَ قَاعِدٌ، فَصَلَّيْنَا وَرَاءَهُ قُعُودًا

Maksudnya:

Rasulullah SAW menunggang seekor kuda lalu ia meliar dan mencederakan bahagian kanan badan Rasulullah SAW. Lalu Baginda melaksanakan solat daripada beberapa solat dalam keadaan duduk. Maka kami solat di belakangnya secara duduk. (Sahih al-Bukhari, no. hadis 689).

C. Dalil daripada Ijmak

Solat secara duduk bagi yang mempunyai keuzuran telah diijmakkan keharusannya sebagaimana yang telah dinukilkan oleh Imam Al-Nawawiy dalam kitab *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab* (Dar Ihya al-Thurath al-'Arabi, 2001, jld. 3 hlm. 142):

وَأَمَّا الْأَحْكَامُ فَاجْمَعَتِ الْأُئِمَّةُ عَلَى أَنَّ مَنْ عَجَزَ عَنِ الْقِيَامِ فِي الْفَرِيضَةِ صَلَّاهَا
قَاعِدًا وَلَا إِعَادَةَ عَلَيْهِ قَالَ أَصْحَابُنَا وَلَا يَنْقُصُ ثَوَابُهُ عَنْ ثَوَابِهِ فِي حَالِ الْقِيَامِ
لَأَنَّهُ مَعْدُورٌ وَقَدْ ثَبَتَ فِي صَحِيحِ الْبُخَارِيِّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
قَالَ " إِذَا مَرَضَ الْعَبْدُ أَوْ سَافَرَ كُتِبَ لَهُ مَا كَانَ يَعْمَلُ صَحِيحًا مُقِيمًا

Maksudnya:

Adapun hukum hakamnya, telah berlaku ijmak umat bahawa sesiapa yang tidak mampu untuk berdiri dalam solat fardu, dia boleh solat secara duduk dan solat tersebut tidak perlu diulangi. Para *Ashab* dalam mazhab Syafie berkata, pahala solat secara duduk tidak berkurang daripada solat secara berdiri kerana dia dimaafkan disebabkan keuzuran. Telah sabit dalam Sahih al-Bukhari, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, apabila seseorang hamba itu sakit ataupun dia bermusafir akan dituliskan (ganjaran) untuknya sama seperti mana yang dilakukan oleh seorang yang dalam keadaan bermukim dan juga seorang yang dalam keadaan sihat.

D. Penjelasan Makna Duduk (قعود)

Sabda Rasulullah SAW dalam hadis daripada 'Imran bin Husin RA katanya:

كَانَتْ بِي بَوَاسِيرُ فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الصَّلَاةِ فَقَالَ صَلِّ قَائِمًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ

Maksudnya:

Aku terkena penyakit buasir. Lalu, aku bertanya kepada Nabi SAW mengenai cara mengerjakan solat. Maka Baginda bersabda: Solatlah kamu dalam keadaan berdiri. Sekiranya tidak mampu, maka tunaikanlah solat dalam keadaan duduk. Sekiranya tidak mampu, maka tunaikanlah dalam keadaan mengiring (Sahih al-Bukhari, no. hadis 1066).

Maksud perkataan duduk (قعود) dalam hadis di atas adalah bersifat umum dan baginda tidak menyuruh duduk di atas lantai tetapi hanya menyuruh duduk secara mutlak sama ada duduk di atas lantai, atas kerusi atau seumpamanya. Perkara ini seiring dengan kaedah penggunaan bahasa Arab yang menyebutkan duduk di atas kerusi juga dengan perkataan duduk (قعود) sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Saidina Abu Rifaah al-'Adawi RA katanya:

انْتَهَيْتُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَخْطُبُ، قَالَ: فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، رَجُلٌ غَرِيبٌ، جَاءَ يَسْأَلُ عَنْ دِينِهِ، لَا يَدْرِي مَا دِينُهُ، قَالَ: فَأَقْبَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَتَرَكَ حُطْبَتَهُ حَتَّى انْتَهَى إِلَيَّ، فَأَتَيْتُ بِكَرْسِيِّ، حَسِبْتُ قَوَائِمَهُ حَدِيدًا، قَالَ: فَقَعَدَ عَلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَجَعَلَ يُعَلِّمُنِي مِمَّا عَلَّمَهُ اللَّهُ، ثُمَّ أَتَى حُطْبَتَهُ، فَأَتَمَّ آخِرَهَا

Maksudnya:

Aku tiba di tempat Nabi SAW berada ketika baginda sedang berkhutbah. Lalu aku berkata kepada Baginda, Ya Rasulullah SAW, aku lelaki asing yang datang untuk bertanyakan kepadamu perihal agama, yang aku belum ketahui mengenainya? Lalu

Rasulullah SAW datang mendekatiku dengan meninggalkan khutbahnya. Saat Baginda telah sampai kepadaku, Rasulullah SAW diberikan seseorang sebuah kerusi. Seingatku kaki kerusi diperbuat daripada besi. Kemudian Baginda Rasulullah SAW duduk di atas kerusi itu, lalu Baginda mengajarkan kepadaku perihal agama yang telah diajarkan oleh Allah kepada Baginda SAW. Sesudah itu, baginda meneruskan khutbahnya sehingga selesai (Sahih Muslim, no. hadis 876).

8. TURUTAN TATACARA SOLAT BAGI ORANG YANG TIDAK MAMPU BERDIRI

8.1 Solat hendaklah dilakukan secara berdiri kecuali dalam keadaan uzur yang tidak mampu berdiri seperti turutan berikut:

- (a) Duduk di atas lantai
- (b) Duduk di atas kerusi
- (c) Baring secara mengiring
- (d) Baring secara telentang/ isyarat

8.2 Duduk atas lantai yang paling afdal adalah duduk secara *iftirasy* atau mengikut keselesaan sama ada secara *tawarruk* atau *tarabbu'* atau berlunjur.

8.3 Pelaksanaan solat secara duduk di atas kerusi diharuskan bagi seseorang yang dalam keadaan uzur yang tidak mampu untuk menunaikan solat seperti mana solat seorang yang sihat dan tidak mampu mengerjakannya secara duduk di atas lantai.

9. KEADAAN-KEADAAN YANG MEMBOLEHKAN SOLAT DILAKUKAN SECARA DUDUK

9.1 Keadaan-keadaan yang dianggap sebagai *masyaqqah* (kepayahan) yang membolehkan seseorang itu melaksanakan solat secara duduk adalah sebagaimana berikut:

- (a) Tidak mampu untuk berdiri.
- (b) Mempunyai penyakit yang akan bertambah teruk sekiranya bersolat secara berdiri.

- (c) Jika dikhuatiri terjatuh atau menyebabkan tenggelam sekiranya berdiri seperti seseorang yang berada di atas kapal, sampan, atau perahu dan seumpamanya.
- (d) Jika seseorang yang berasa pening sekiranya berdiri.
- (e) Sakit yang boleh mengganggu kekhusyukan solat sekiranya dilakukan berdiri.
- (f) Ketiadaan ruang yang membolehkan seseorang melaksanakan solat secara lazim seperti di dalam kapal terbang.
- (g) Jika dikhuatiri jatuh atau berada pada kedudukan yang tidak stabil sekiranya berdiri seperti berada di dalam kapal terbang, kereta api dan seumpamanya.
- (h) Seseorang yang mengalami penyakit kencing tak lawas (*salis al-baul*) yang jika sekiranya dia berdiri kemungkinan akan menyebabkan air kencingnya keluar.

10. TATACARA SOLAT FARDU BERSENDIRIAN SECARA DUDUK DI ATAS KERUSI

A. Situasi Solat Fardu Bersendirian Secara Duduk di atas Kerusi

- (a) **Tidak Mampu Untuk Berdiri di Sepanjang Solatnya Melainkan Duduk di Atas Kerusi**
 - i. Hendaklah melakukan *takbiratul ihram*, rukuk, iktidal dan sujud dalam keadaan duduk di atas kerusi. Sila rujuk Rajah 1, Rajah 2, Rajah 3 dan Rajah 4.



*Rajah 1 : Takbiratul
Ithram dalam
keadaan duduk*



*Rajah 2 : Iktidal dalam
keadaan duduk*

- ii. Rukuk hendaklah secara isyarat dengan membongkokkan badan. Sila rujuk Rajah 3 dan penerangan di perenggan 10.B



Rajah 3 : Rukuk dalam keadaan duduk

- iii. Sujud hendaklah secara isyarat dengan membongkok melebihi kadar isyarat perbuatan rukuk. Sila rujuk Rajah 4 dan perenggan 10.B



Rajah 4 : Sujud dalam keadaan duduk

(b) Tidak Mampu Untuk Berdiri Lama, Mampu Untuk Rukuk Tetapi Tidak Mampu Untuk Sujud Secara Lazim

- i. Hendaklah melakukan takbiratul *ihram* dan membaca surah al-Fatihah dalam keadaan berdiri setakat mampu. Sila rujuk Rajah 5 dan Rajah 6.



Rajah 5 : Takbiratul Ihram



Rajah 6 : Membaca surah
al-Fatihah

- ii. Rukuk dan iktidal hendaklah dalam keadaan berdiri jika mampu. Sila rujuk Rajah 7 dan Rajah 8.



Rajah 7 : Rukuk secara lazim



Rajah 8 : Iktidal secara lazim

- iii. Sekiranya tidak mampu berdiri, rukuk dan iktidal boleh dilakukan dalam keadaan duduk.



Rajah 9 : Rukuk dalam keadaan duduk



Rajah 10 : Iktidal dalam keadaan duduk

- iv. Sujud hendaklah dalam keadaan duduk di atas kerusi.



Rajah 11 : Sujud dalam keadaan duduk

(c) Mampu Untuk Berdiri Tetapi Tidak Mampu Rukuk dan Sujud Secara Lazim

- i. Hendaklah berdiri ketika melakukan *takbiratul ihram* dan membaca surah al-Fatihah. Sila rujuk Rajah 12.



Rajah 12 : Takbiratul Ihram

- ii. Hendaklah rukuk dilakukan secara berdiri dengan membongkokkan badan sekadar kemampuan. Sila rujuk Rajah 13.



Rajah 13 : Rukuk dalam keadaan berdiri sekadar kemampuan

- iii. Sujud diharuskan dalam dua keadaan:
- a. secara berdiri dengan membongkokkan badan semampu yang mungkin. Sila rujuk Rajah 14; atau
 - b. secara duduk dengan membongkokkan badan. Sila rujuk Rajah 15.



Rajah 14 : Sujud secara berdiri



Rajah 15 : Sujud secara duduk

- iv. Duduk di antara dua sujud dan *tasyahud akhir* dilaksanakan dalam keadaan duduk di atas kerusi. Sila rujuk Rajah 16.



Rajah 16 : Tasyahud akhir

(d) Mampu Berdiri Seketika, Rukuk dan Sujud Secara Lazim Tetapi Tidak Boleh Duduk di Atas Lantai

- i. Hendaklah melakukan *takbiratul ihram* dan membaca surah al-Fatihah dalam keadaan berdiri setakat mampu. Sila rujuk Rajah 17 dan Rajah 18.



Rajah 17 :Takbiratul ihram



*Rajah 18 :Membaca surah
al-Fatihah*

- ii. Dibolehkan duduk di atas kerusi setelah selesai *takbiratul ihram* sekiranya tidak mampu berdiri. Sila rujuk Rajah 19.



Rajah 19 :Duduk kerana tidak mampu setelah takbiratul ihram

- iii. Hendaklah berdiri kembali untuk melakukan rukuk dan iktidal. Sila rujuk Rajah 20 dan Rajah 21.



Rajah 20 :Berdiri untuk melakukan rukuk



Rajah 21 :Iktidal dalam keadaan lazim

- iv. Hendaklah sujud secara lazim dan duduk antara dua sujud secara lazim atau mengikut kemampuan. Sila rujuk Rajah 22, Rajah 23 dan Rajah 24.



Rajah 22 :Sujud secara lazim



Rajah 23 :Duduk antara dua sujud secara lazim



Rajah 24 :Duduk antara dua sujud mengikut kemampuan

(e) **Mampu Berdiri, Rukuk, Duduk Tetapi Tidak Mampu Sujud Seperti Keadaan Lazim**

- i. Hendaklah melakukan *takbiratul ihram* dan membaca surah al-Fatihah dalam keadaan berdiri. Sila rujuk Rajah 25 dan Rajah 26.



Rajah 25 : Takbiratul ihram



Rajah 26 : Membaca surah
al-Fatihah

- ii. Hendaklah melakukan rukuk dan iktidal seperti keadaan lazim.
- iii. Sujud diharuskan dalam dua keadaan:
 - a. secara berdiri dengan membongkokkan badan semampu yang mungkin. Sila rujuk Rajah 14; atau
 - b. secara duduk dengan membongkokkan badan. Sila rujuk Rajah 15.
- iv. Hendaklah melakukan isyarat sujud dengan membongkokkan badan melebihi kadar garisan lutut dalam keadaan duduk di atas kerusi. Sila rujuk Rajah 27 dan 28.



*Rajah 27 :Kadar
membongkokkan
badan untuk rukuk
ketika duduk*



*Rajah 28 :Sujud dilakukan
dengan
membongkokkan
badan melebihi
garisan lutut*

B. Tatacara Rukuk dan Sujud Bagi Solat Secara Duduk di Atas Kerusi

- (a) Rukuk hendaklah membongkokkan badan dengan kadar sekurang-kurangnya sejajar dengan lutut.
- (b) Kedudukan isyarat membongkok untuk sujud hendaklah lebih rendah daripada isyarat membongkok untuk rukuk.
- (c) Tidak perlu meletakkan sesuatu di hadapannya untuk membolehkannya meletakkan dahi bagi tujuan sujud.

11. TATACARA KEDUDUKAN KERUSI DALAM SAF SOLAT BERJEMAAH

11.1 Tatacara solat berjemaah bagi makmum adalah sebagaimana solat bersendirian seperti pada para 10.

A. Kedudukan Kerusi Bagi Makmum Ketika Melaksanakan Solat Secara Berjemaah

(a) Makmum Yang Mampu Berdiri

Kedudukan belakang badan makmum hendaklah selari dengan orang yang solat di sebelahnya. Sila rujuk Rajah 29 dan Rajah 30.



Rajah 29 :Kedudukan kaki kerusi makmum yang mampu berdiri



Rajah 30 : Pandangan dari sebelah tepi kedudukan kaki kerusi hadapan makmum yang mampu berdiri

(b) Makmum Yang Tidak Mampu Berdiri

Badan makmum hendaklah selari dengan orang yang solat di sebelahnya. Sila rujuk Rajah 31 dan Rajah 32.



Rajah 31 : Kedudukan kaki kerusi makmum yang tidak mampu berdiri



Rajah 32 : Pandangan dari sebelah tepi kedudukan kaki kerusi hadapan makmum yang tidak mampu berdiri

Bagi yang berkerusi roda, hendaklah kedudukan tubuh badan selari dengan orang bersebelahannya dalam saf solat. Sila rujuk Rajah 33 dan Rajah 34.



Rajah 33 : Kedudukan kaki kerusi makmum yang tidak mampu berdiri



Rajah 34 : Pandangan dari sebelah tepi kedudukan kaki kerusi hadapan makmum yang tidak mampu berdiri

B. Kedudukan Jemaah Berkerusi Dalam Saf

- (a) Digalakkan kedudukan kerusi berada di hujung saf paling kanan atau paling kiri. Sila rujuk Rajah 35.



Rajah 35 : Kedudukan yang digalakkan untuk makmum yang menunaikan solat fardu di atas kerusi adalah di hujung saf


- (b) Digalakkan makmum yang menunaikan solat secara duduk di atas kerusi ditempatkan di zon khusus di bahagian belakang sekiranya melibatkan bilangan jemaah yang ramai.

C. Saiz dan Jenis Kerusi

- (a) Kerusi yang digunakan hendaklah bersaiz kecil atau sederhana, pegun dan tidak digalakkan mempunyai penyandar.
- (b) Kerusi hendaklah tidak terlalu tinggi supaya kedua-dua belah kaki atau salah satu kaki mampu berpijak pada lantai.

12. PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN

- 12.1 Seseorang yang solat secara duduk di atas kerusi sekiranya berkemampuan sujud secara lazim, hendaklah melakukan sedemikian.
- 12.2 Seseorang yang berkeyakinan dapat mengerjakan rukun berdiri, rukuk, *iktidal* dan/atau sujud hendaklah melakukannya mengikut keadaan lazim dengan secepat mungkin sepanjang menunaikan ibadah solat untuk mengelakkan solat terbatal.
- 12.3 Pemilihan tatacara solat secara duduk di atas kerusi oleh seseorang adalah ditentukan berdasarkan tahap keuzuran yang ditanggungnya.
- 12.4 Solat fardu yang telah dilakukan secara duduk di atas kerusi oleh orang yang uzur adalah sah dan tidak perlu diulangi atau diqada' (ganti).
- 12.5 Seseorang yang melaksanakan solat secara duduk di atas kerusi hendaklah tidak menyandarkan belakang badan kepada kerusi tanpa sebarang hajat atau keuzuran kerana perkara tersebut dihukumkan makruh. Sila rujuk Rajah 36 dan Rajah 37.



Rajah 36 :Keadaan tidak menyandarkan belakang badan sewaktu menggunakan kerusi



Rajah 37 :Keadaan tidak menyandarkan belakang badan sewaktu menggunakan kerusi roda

- 12.6 Seseorang yang uzur dan melaksanakan solat di atas kerusi tidak digalakkan menjadi imam kepada makmum yang tiada keuzuran dan melaksanakan solat secara lazim.
- 12.7 Seseorang yang solat secara duduk di atas kerusi hendaklah duduk dalam keadaan kedua-dua belah kaki berpijak pada lantai jika mampu dan tidak menyandar belakang badan dengan merehat kedua-dua kaki atau salah satu daripadanya. Sila rujuk Rajah 38.



Rajah 38 :Keadaan meletakkan kaki di atas lantai

- 12.8 Syarat-syarat meletakkan tujuh anggota sujud tidak diwajibkan semasa sujud secara isyarat.
- 12.9 Solat sunat boleh ditunaikan secara duduk sepenuhnya oleh seseorang yang uzur dan yang tiada keuzuran. Pahala solat sunat yang dilakukan secara duduk tanpa ada keuzuran adalah setengah dari pahala solat sunat yang dilakukan secara berdiri.

13. PERANAN PEGAWAI MASJID

- 13.1 Digalakkan menyediakan tempat khusus untuk makmum yang menunaikan solat berjemaah secara duduk di atas kerusi bagi keselesaan makmum.
- 13.2 Menyediakan kemudahan kerusi yang sesuai bagi kegunaan jemaah yang uzur seperti pada para 11(C).
- 13.3 Pegawai masjid hendaklah sentiasa membimbing jemaah yang uzur mengenai tatacara solat bagi mereka yang dalam keuzuran termasuk tatacara solat di atas kerusi.

14. PENUTUP

Garis Panduan ini terpakai kepada semua peringkat usia yang tidak mampu melaksanakan solat secara lazim disebabkan ada keuzuran tertentu yang dibenarkan syarak. Mengaplikasikan garis panduan ini menjadikan solat dapat dilaksanakan dengan sempurna mengikut acuan syarak selain dapat membentuk keselarasan bagi keselesaan semua jemaah dalam melaksanakan ibadah.

Sebarang kemusykilan berkaitan dengan Garis Panduan ini hendaklah dirujuk kepada:

KETUA PENGARAH JAKIM

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya

No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3

62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia

Tel. : 03-8870 7000


Cawangan Kajian Syariah

Bahagian Penyelidikan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

RINGKASAN

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN SOLAT
SECARA DUDUK
DI ATAS KERUSI**



ASAS-ASAS DIBOLEHKAN MELAKSANAKAN SOLAT SECARA DUDUK

DALIL DARIPADA AL-QURAN



1

SURAH AL-BAQARAH AYAT 286

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

*Maksudnya:
Allah tidak memberati seseorang
melainkan apa yang terdaya olehnya.*

2

SURAH AL-TAGHABUN AYAT 16

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ

*Maksudnya:
Oleh itu bertakwalah kamu kepada
Allah sedaya upaya kamu.*

DALIL DARIPADA HADIS

1

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada 'Imran bin Husin RA berkata:

كَانَتْ بِي بَرَأْسِي فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الصَّلَاةِ فَقَالَ
صَلِّ قَائِمًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى حَنْبٍ

Maksudnya:

Aku terkena penyakit buasir. Lalu, aku bertanya kepada Nabi SAW mengenai cara mengerjakan solat. Maka Baginda bersabda: Solatlah kamu dalam keadaan berdiri. Sekiranya tidak mampu, maka tunaikanlah solat dalam keadaan duduk. Sekiranya tidak mampu, maka tunaikanlah dalam keadaan mengiring.

(Sahih al-Bukhari, no hadis 1066)

2

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Saidina Anas bin Malik RA berkata:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَكِبَ فَرَسًا، فَصُرِعَ عَنْهُ فَجَحِشَ
شِقَهُ الْأَيْمَنِ، فَصَلَّى صَلَاةً مِنَ الصَّلَوَاتِ وَهُوَ قَاعِدٌ، فَصَلَّيْنَا وَرَاءَهُ
فَعُودًا

Maksudnya:

Rasulullah SAW menunggang seekor kuda lalu ia melar dan mencederakan bahagian kanan badan Rasulullah SAW. Lalu Baginda melaksanakan solat daripada beberapa solat dalam keadaan duduk. Maka kami sembahyang di belakangnya secara duduk.

(Sahih al-Bukhari, no hadis 689)

DALIL DARIPADA IJMAK

Solat secara duduk bagi yang mempunyai keuzuran telah diijmakkan keahlusannya sebagaimana yang telah dinukilkan oleh Imam Al-Nawawiy dalam kitab Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab (Dar Itha al-Thurath al-'Arabi, 2001, jld. 3 hlm. 142):

وَأَمَّا الْأَحْكَامُ فَاجْمَعَتِ الْأُמَّةُ عَلَى أَنَّ مَنْ عَجَزَ عَنِ الْقِيَامِ فِي الْفَرِيضَةِ صَلَّاهَا قَاعِدًا وَلَا إِعَادَةَ عَلَيْهِ قَالَ أَصْحَابُنَا وَلَا يَنْقُصُ ثَوَابُهُ
عَنْ ثَوَابِهِ فِي حَالِ الْقِيَامِ لَأَنَّهُ مَعْدُورٌ وَقَدْ ثَبَتَ فِي صَحِيحِ الْبُخَارِيِّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ "إِذَا مَرَضَ الْعَبْدُ أَوْ
سَافَرَ كَتَبَ لَهُ مَا كَانَ يَعْمَلُ صَحِيحًا مَقِيمًا"

Maksudnya:

Adapun hukum hakamnya, telah berlaku ijmak umat bahawa sesiapa yang tidak mampu untuk berdiri dalam solat fardu, dia boleh solat secara duduk dan solat tersebut tidak perlu diulangi. Para Ashab dalam mazhab Shafi'iy berkata, pahala solat secara duduk tidak berkurang daripada solat secara berdiri kerana dia dimaafkan disebabkan keuzuran. Telah sabit dalam Sahih al-Bukhari, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, apabila seseorang hamba itu sakit ataupun dia bermusafir akan dituliskan (ganjaran) untuknya sama seperti mana yang dilakukan oleh seorang yang dalam keadaan bermukim dan juga seorang yang dalam keadaan sihat.

TURUTAN TATACARA SOLAT BAGI ORANG YANG TIDAK MAMPU BERDIRI

TURUTAN TATACARA SOLAT BAGI ORANG YANG TIDAK MAMPU BERDIRI



1

Solat hendaklah dilakukan secara berdiri kecuali dalam keadaan uzur yang tidak mampu berdiri seperti turutan berikut:

- a) Duduk di atas lantai
- b) Duduk di atas kerusi
- c) Baring secara mengiring
- d) Baring secara telentang/ isyarat

2

Duduk atas lantai yang paling afdal adalah duduk secara *iftitasy* atau mengikut keselesaan sama ada secara *tawarruk* atau *tarabbu'* atau berlunjur.

3

Pelaksanaan solat secara duduk di atas kerusi diharuskan bagi seseorang yang dalam keadaan uzur yang tidak mampu untuk menunaikan solat sepertimana solat seorang yang sihat dan tidak mampu mengerjakannya secara duduk di atas lantai.

KEADAAN-KEADAAN YANG MEMBOLEHKAN SOLAT DILAKUKAN SECARA DUDUK

KEADAAN-KEADAAN YANG MEMBOLEHKAN SOLAT DILAKUKAN SECARA DUDUK



Keadaan-keadaan yang dianggap sebagai *masyaqqah* (kepayahan) yang membolehkan seseorang itu melaksanakan solat secara duduk adalah sebagaimana berikut:

1

TIDAK MAMPU
BERDIRI

2

PENYAKIT
BERTAMBAH TERUK

3

DIKHUATIRI TERJATUH
(Menyebabkan Tenggelam)

4

BERASA PENING

5

MENGANGGU
KEKHUSYUKAN

6

KETIADAAN RUANG

7

DIKHUATIRI TERJATUH
(Kedudukan Yang Tidak Stabil)

8

PENYAKIT KENCING TAK
LAWAS
(*Salis al-Bawl*)



TATACARA SOLAT FARDU BERSENDIRIAN SECARA DUDUK DI ATAS KERUSI

A. SITUASI SOLAT FARDU BERSENDIRIAN SECARA DUDUK DI ATAS KERUSI



(a) Tidak Mampu Untuk Berdiri di Sepanjang Solatnya Melainkan Duduk di Atas Kerusi




Rajah 1:
Takbiratul Ikrām
dalam keadaan duduk



Rajah 2:
Iktidal dalam keadaan
duduk



Rajah 3:
Rukuk dalam keadaan
duduk



Rajah 4:
Sujud dalam keadaan
duduk

Paras rukuk

Paras sujud

Kedudukan isyarat
membongkok untuk
sujud hendaklah lebih
rendah daripada
isyarat membongkok
untuk rukuk. Para
10(B).


Tidak menyandarkan belakang kepada kerusi
tanga sebarang hajat atau kekusutan kerana
perkara tersebut dihukumkan makruh

Memadai meletakkan tangan
di atas pahat menunjukkan iktidal
ketika duduk.

**A. SITUASI SOLAT FARDU BERSENDIRIAN
SECARA DUDUK DI ATAS KERUSI**



**(b) Tidak Mampu Untuk Berdiri Lama, Mampu Untuk Rukuk
Tetapi Tidak Mampu Untuk Sujud Secara Lazim**




13

**A. SITUASI SOLAT FARDU BERSENDIRIAN
SECARA DUDUK DI ATAS KERUSI**



(c) Mampu Untuk Berdiri Tetapi Tidak Mampu Rukuk dan Sujud Secara Lazim



14

**A. SITUASI SOLAT FARDU BERSENDIRIAN
SECARA DUDUK DI ATAS KERUSI**

**(d) Mampu Berdiri Seketika, Rukuk dan Sujud Secara Lazim
Tetapi Tidak Boleh Duduk di Atas Lantai**


Rajah 17:
Takbiratul
ihram



Rajah 18:
Membaca surah al-
Fatihah



Rajah 19:
Duduk kerana tidak
mampu setelah
takbiratul ihram



Rajah 20:
Berdiri untuk
melakukan rukuk



Rajah 21:
Iktidal dalam keadaan
lazim

15

**A. SITUASI SOLAT FARDU BERSENDIRIAN
SECARA DUDUK DI ATAS KERUSI**

**(d) Mampu Berdiri Seketika, Rukuk dan Sujud Secara Lazim
Tetapi Tidak Boleh Duduk di Atas Lantai**


Rajah 22:
Sujud secara lazim



Rajah 23:
Duduk antara dua
sujud secara lazim



Rajah 24:
Duduk antara dua
sujud mengikut
kemampuan

Duduk antara
dua sujud
secara lazim
atau mengikut
kemampuan

16

A. SITUASI SOLAT FARDU BERSENDIRIAN
SECARA DUDUK DI ATAS KERUSI



(e) Mampu Berdiri, Rukuk, Duduk Tetapi Tidak Mampu Sujud Seperti Keadaan Lazim



Rajah 25:
Takbiratul
ihram



Rajah 26:
Membaca surah
al-Fatihah



Rajah 27:
Kadar
membongkokkan
badan untuk rukuk
ketika duduk



Rajah 28:
Sujud dilakukan
dengan
membongkokkan
badan melebihi
garisan lutut

Sujud diharuskan dalam dua keadaan (Sila rujuk Rajah 14 dan Rajah 15):
a. secara berdiri dengan membongkokkan badan semampu yang mungkin; atau
b. secara duduk dengan membongkokkan badan.

B. TATACARA RUKUK DAN SUJUD
BAGI SOLAT SECARA DUDUK DI ATAS KERUSI



1

Rukuk hendaklah membongkokkan badan dengan kadar sekurang-kurangnya **sejajar dengan lutut**.

2

Kedudukan **isyarat membongkok** untuk **sujud** hendaklah **lebih rendah** daripada **isyarat membongkok untuk rukuk**.

3

Tidak perlu meletakkan sesuatu di hadapannya untuk membolehkannya meletakkan dahi bagi tujuan sujud.

TATACARA KEDUDUKAN KERUSI DALAM SAF SOLAT BERJEMAAH

A. KEDUDUKAN KERUSI BAGI MAKMUM KETIKA MELAKSANAKAN SOLAT SECARA BERJEMAAH



(a) Makmum yang mampu berdiri



Rajah 29:
Kedudukan kaki kerusi makmum yang mampu berdiri




Rajah 30:
Pandangan dari sebelah tepi kedudukan kaki kerusi
hadapan makmum yang mampu berdiri

A. KEDUDUKAN KERUSI BAGI MAKMUM KETIKA
MELAKSANAKAN SOLAT SECARA BERJEMAAH

(b) Makmum yang tidak mampu berdiri



Rajah 31:
Kedudukan kaki kerusi makmum yang tidak mampu berdiri



Rajah 32:
Pandangan dari sebelah tepi kedudukan kaki kerusi hadapan makmum yang tidak mampu berdiri

21

A. KEDUDUKAN KERUSI BAGI MAKMUM KETIKA
MELAKSANAKAN SOLAT SECARA BERJEMAAH

(b) Makmum yang tidak mampu berdiri (Berkerusi Roda)



Rajah 33:
Kedudukan kaki kerusi makmum yang tidak mampu berdiri



Rajah 34:
Pandangan dari sebelah tepi kedudukan kaki kerusi hadapan makmum yang tidak mampu berdiri

22


B. KEDUDUKAN JEMAAH BERKERUSI DALAM SAF

1

Digalakkan kedudukan kerusi berada di hujung saf paling kanan atau paling kiri

2

Digalakkan makmum yang menunaikan solat secara duduk di atas kerusi ditempatkan di zon khusus di bahagian belakang sekiranya melibatkan bilangan jemaah yang ramai



Rajah 35:
Kedudukan yang digalakkan untuk makmum yang menunaikan solat fardu di atas kerusi adalah di hujung saf

23

C. SAIZ DAN JENIS KERUSI

1

Kerusi yang digunakan hendaklah bersaiz kecil atau sederhana, pegun dan tidak digalakkan mempunyai penyandar



2

Kerusi hendaklah tidak terlalu tinggi supaya kedua-dua belah kaki atau salah satu kaki mampu berpijak pada lantai

24

PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN



1

Seseorang yang solat secara duduk di atas kerusi sekiranya berkemampuan sujud secara lazim, hendaklah melakukan sedemikian.

2

Seseorang yang berkeyakinan dapat mengerjakan rukun berdiri, rukuk, iktidal dan/atau sujud hendaklah melakukannya mengikut keadaan lazim dengan secepat mungkin sepanjang menunaikan ibadah solat untuk mengelakkan solat terbatal.

3

Pemilihan tatacara solat secara duduk di atas kerusi oleh seseorang adalah ditentukan berdasarkan tahap keuzuran yang ditanggungnya.

4

Solat fardu yang telah dilakukan secara duduk di atas kerusi oleh orang yang uzur adalah sah dan tidak perlu diulangi atau diqada' (ganti).

5

Seseorang yang melaksanakan solat secara duduk di atas kerusi hendaklah tidak menyandarkan belakang kepada kerusi tanpa sebarang hajat atau keuzuran kerana perkara tersebut dihukumkan makruh.

6

Seseorang yang uzur dan melaksanakan solat di atas kerusi tidak digalakkan menjadi imam kepada makmum yang tiada keuzuran dan melaksanakan solat secara lazim.

25

PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN



7

Seseorang yang solat secara duduk di atas kerusi hendaklah duduk dalam keadaan kedua-dua belah kaki berpijak pada lantai jika mampu dan tidak menyandar belakang dengan merehat kedua-dua kaki atau salah satu daripadanya.



Rajah 38:
Keadaan meletakkan
kaki di atas lantai.

8

Syarat-syarat meletakkan tujuh anggota sujud tidak diwajibkan semasa sujud secara isyarat.

9

Syarat-syarat meletakkan tujuh anggota sujud tidak diwajibkan semasa sujud secara isyarat.

26

PERANAN PEGAWAI MASJID
Tempat Khusus

Digalakkan menyediakan tempat khusus untuk makmum yang menunaikan solat berjemaah secara duduk di atas kerusi bagi keselesaan makmum.

Kerusi Sesuai

Menyediakan kemudahan kerusi yang sesuai bagi kegunaan jemaah yang uzur seperti pada para 11(C).

Bimbingan

Pegawai masjid hendaklah sentiasa membimbing jemaah yang uzur mengenai tatacara solat bagi mereka yang dalam keuzuran termasuk tatacara solat di atas kerusi.

1

2

3



**SEKIAN,
TERIMA KASIH**

RUJUKAN



1. Abd al-Karīm al-Rāfi'iy. (T.T.). Fath al-'Aziz Bi Syarḥ al-Wajīz. Dār al-Fikr, Beirut.
2. Nawawi al-Bantaniy. (T.T.). Nihāyat al-Zayn Fi Irsyād al-Mubtadi'īn. Dār al-Fikr, Beirut.
3. Sulaimān al-Bujairimiy. (1995). Tuḥfat al-Ḥabīb 'Ala Syarḥ al-Khatīb, Hāsyiat al-Bujairimiy 'Alā al-Khatīb. Dār al-Fikr, Beirut.
4. Sulaimān al-Bujairimiy. (T.T.). Al-Tajrīd Li Naf' al-'Abid / Hāsyiat al-Bujairimiy 'Alā al-Manhaj. Matba'at al-Ḥalabiyy, Kaherah.
5. Syahāb al-Dīn al-Ramliy. (2009). Fath al-Rahmān Bi Syarḥ Zubad Ibn Arsalān. Dār al-Minhāj, Jeddah.
6. Yahyā al-Nawawiy. (1434h). Rawḍat al-Ṭālibin Wa 'Umdat al-Muftin. Al-Maktab al-Islāmiyy, Damsyik.

RUJUKAN



7. Zakariyyā al-Anṣāriy. (T.T.). Asnā al-Maṭālib fī Syarḥ Rawḍ al-Ṭālib. Dar al-Kitāb al-Islāmiyy, Beirut.
8. Zakariyyā al-Anṣāriy. (T.T.). Al-Ghurar al-Bahiyyat Syarḥ al-Bahjat al-Wardiyyat. Al-Maṭba'at al-Maymaniyyat, Kaherah.
9. Muhammad Najib al-Muti'i. (2001). Kitāb al-Majmuk Syarḥ al-Muhazzab li al-Syirazi lil Imam Abi Zakariyya Muhyiddin bin Syarf al-Nawawi. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
10. Syams al-Din al-Ramli. (2003). Nihayah al-Muhtaj ila Syarḥ al-Minhaj. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
11. Zayn al-Din al-Malibari. (1997). l'annah al-Thalibin 'ala Hilli Alfaz Fath al-Mu'in. Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
12. Panduan Solat Menggunakan Kerusi Disebabkan Keuzuran. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

RUJUKAN

13. Panduan Solat Secara Duduk di Atas Kerusi. Pejabat Mufti Negeri Sabah.
14. Panduan Tatacara Solat Orang Yang Uzur Pada Melaksanakan Rukun Fi'li. Jabatan Mufti Negeri Selangor.
15. Garis Panduan Solat Dalam Keadaan Duduk. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.
16. https://www.dar-aliffta.org/ar/ViewFatwa.aspx?sec%20=fatwa&ID=13432&%D8%B5%D9%84%D8%A7%25%20D8%A9_%D8%A7%D9%84%D9%81%D8%B1%D9%25%208A%D8%B6%D8%A9_%D8%B9%D9%84%D9%89%D8%A7%D9%84%D9%83%D8%B1%D8%B3%D9%8A%D8%A3%D9%85%D8%A7%D9%86%D8%A9%D8%A7%D9%84%D9%81%D8%AA%D9%88%D9%89
17. <http://mufti.terengganu.gov.my/index.php/perkhidmatan/unit-fatwa/kalam-mufti/158-hukum-menunaikan-solat-dalam-keadaan-duduk-atas-kerusi>.

RUJUKAN

18. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15602>
19. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/225-hukum-solat-di-atas-kerusi>
20. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/tahqiq-al-masail/1008-tahqiq-al-masail-siri-ke-2-penjelasan-berkaitan-solat-secara-duduk-di-atas-kerusi>
21. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5869-irsyad-hukum-siri-ke-832-had-sujud-ketika-solat-secara-duduk-di-atas-kerusi>

RUJUKAN

- Abd al-Karīm al-Rāfi'iy. (T.T.). Fath al-'Azīz Bi Syarḥ al-Wajīz. Dār al-Fikr, Beirut.
- Nawawi al-Bantaniy. (T.T.). Nihāyat al-Zayn Fi Irsyād al-Mubtadi'īn. Dār al-Fikr, Beirut.
- Sulaimān al-Bujairimiy. (1995). Tuḥfat al-Ḥabīb 'Ala Syarḥ al-Khatīb, Ḥāsyiat al-Bujairimiy 'Alā al-Khatīb. Dār al-Fikr, Beirut.
- Sulaimān al-Bujairimiy. (T.T.). Al-Tajrīd Li Naf' al-'Abīd / Ḥāsyiat al-Bujairimiy 'Alā al-Manhaj. Matba'at al-Ḥalabiy, Kaherah.
- Syahāb al-Dīn al-Ramliy. (2009). Fath al-Raḥmān Bī Syarḥ Zubad Ibn Arsalān. Dār al-Minhāj, Jeddah.
- Yaḥyā al-Nawawiy. (1434h). Rawḍat al-Ṭālibin Wa 'Umdat al-Muftīn. Al-Maktab al-Islāmiy, Damsyik.
- Zakariyyā al-Anṣāriy. (T.T.). Asnā al-Maṭālib fī Syarḥ Rawḍ al-Ṭālib. Dar al-Kitāb al-Islāmiy, Beirut.
- Zakariyyā al-Anṣāriy. (T.T.). Al-Ghurar al-Bahiyyat Syarḥ al-Bahjat al-Wardiyyat. Al-Maṭba'at al-Maymaniyyat, Kaherah.
- Muhammad Najib al-Muti'i. (2001). Kitab al-Majmuk Syarḥ al-Muhazzab li al-Syirazi lil Imam Abi Zakariyya Muhyiddin bin Syarf al-Nawawi. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Syams al-Din al-Ramli. (2003). Nihayah al-Muhtaj ila Syarḥ al-Minhaj. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Zayn al-Din al-Malibari. (1997). I'anah al-Thalibin 'ala Hilli Alfaz Fath al-Mu'in. Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Panduan Solat Menggunakan Kerusi Disebabkan Keuzuran. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.
- Panduan Solat Secara Duduk di Atas Kerusi. Pejabat Mufti Negeri Sabah.
- Panduan Tatacara Solat Orang Yang Uzur Pada Melaksanakan Rukun Fi'li. Jabatan Mufti Negeri Selangor.
- Garis Panduan Solat Dalam Keadaan Duduk. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

<https://www.dar-alifta.org/ar/ViewFatwa.aspx?sec%20=fatwa&ID=13432&%D8%B5%D9%84%D8%A7%25%20D8%A9%D8%A7%D9%84%D9%81%D8%B1%D9%25%208A%D8%B6%D8%A9%D8%B9%D9%84%D9%89%D8%A7%D9%84%D9%83%D8%B1%D8%B3%D9%8A%D8%A3%D9%85%D8%A7%D9%86%D8%A9%D8%A7%D9%84%D9%81%D8%AA%D9%88%D9%89>

<http://mufti.terengganu.gov.my/index.php/perkhidmatan/unit-fatwa/kalam-mufti/158-hukum-menunaikan-solat-dalam-keadaan-duduk-atas-kerusi>

<http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15602>

<https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/225-hukum-solat-di-atas-kerusi>

<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/tahqiq-al-masail/1008-tahqiq-al-masail-siri-ke-2-penjelasan-berkaitan-solat-secara-duduk-di-atas-kerusi>

<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5869-irsyad-hukum-siri-ke-832-had-sujud-ketika-solat-secara-duduk-di-atas-kerusi>

Penghargaan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pegawai yang telah memberi sumbangan menyiapkan pembangunan garis panduan ini.



Bahagian Penyelidikan, JAKIM

- | | |
|------------------------------------|--|
| 1. Tuan Hj. Amran Bin Hj. Awaludin | 8. Shahril Azwan bin Hussin |
| 2. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail | 9. Dr. Abdul Muhaimin bin Mahmood |
| 3. Jafri bin Abdullah | 10. Naim Sidqi bin Mustaffa |
| 4. Ridzuan bin Awang | 11. Muhammad Nabil bin Mohd Ismail |
| 5. Noorasnita binti Maktar | 12. Azizi bin Salleh |
| 6. Khairul Anuar bin Yazid | 13. Ahmad Mustaqeem Aminuddin bin Md Nor |
| 7. Mohd Nasir bin Sulaiman | 14. Siti Fitriyah binti Mahasan |

Masjid Negara

Khairul Asyraf bin Ahmad

Masjid Putra

Hazman bin Hashim

Masjid Wilayah Persekutuan

Haji Jamal bin Abd Halim
Dr. Khalid bin Isa

Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin

Nor Azamir bin Hj. Alias

Bahagian Dakwah, JAKIM

Ahmad Termizi bin Zainudin

Pejabat Mufti Negeri Sabah

Pg. Mohd. Hanif bin Ag. Omar

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Dr. Syed Shahridzan bin Syed
Mohamed
Al-Hafiz bin Ishak

Jabatan Mufti Negeri Selangor

Abdul Wahid bin Ishak
Zubair bin Amir Nur Rashid

Jabatan Mufti Negeri Sembilan

Mohamad Tahir bin Khamis
Alhakim bin Ishak

Nota / Catatan



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya, No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 Putrajaya

Tel : 03-8870 7000 | Faks: 03-8870 7003 | e-mel: ukkjakim@islam.gov.my



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia - JAKIM



myjakim